

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH  
(SANDAKAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18.03.2015**

**Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [ SANDAKAN ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan syarikat dan pendapatan yang dihasilkan dari sektor perjudian di Sabah khususnya bisnes 4D dan nyatakan cukai yang perlu dibayar oleh syarikat perjudian sah tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan syarikat induk yang

dibenarkan untuk menjalankan aktiviti pertaruhan nombor ramalan di negeri Sabah adalah dua (2) syarikat. Cukai perjudian serta duti pertaruhan yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan daripada dua (2) syarikat tersebut pada tahun 2014 adalah sebanyak RM32,142,016.89.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI [ BAGAN SERAI ]**

**TARIKH : 18 MAC 2015 (RABU)**

**SOALAN : 29**

**Dr. Noor Azmi bin Ghazali [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kebelakangan ini banyak kejadian kebakaran kereta sama ada disebabkan kemalangan, litar pintas atau kerosakan enjin kenderaan yang menyebabkan maut. Apakah langkah Kementerian untuk memberikan kesedaran dalam menangani kejadian ini dan apakah Kementerian akan mewajibkan alat pemadam api dalam setiap kenderaan.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) telah menunjukkan bahawa kes kebakaran kenderaan akibat kemalangan jalan raya adalah berpunca daripada pengubahsuaian sistem pendawaian utama kenderaan yang tidak dibenarkan selain alat pendawai yang lama dan rosak. Pertambahan aksesori kenderaan yang tidak mengikut spesifikasi ditetapkan boleh menyebabkan sistem elektrik yang sedia ada tidak dapat menanggung beban (*overload voltage and current*). Aksesori kenderaan yang dipasang pada peringkat pengeluaran telahpun melalui ujian ketahanan api untuk mengekang kebakaran yang menyeluruh pada kenderaan dan sekiranya diubahsuai, tahap ketahanan api ini akan terganggu dan meningkatkan risiko kebakaran kenderaan.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kerajaan telah mewajibkan bahawa setiap kenderaan perdagangan yang membawa barangan berbahaya (seperti petroleum produk, bahan kimia dan seumpamanya) dan kenderaan perkhidmatan awam (bas dan teksi) perlu dilengkapi dengan alat pemadam api sama ada jenis *Foam*, *Soda Acid Chemical* atau *Carbon Tetrachloride*. Peraturan ini adalah selaras dengan peraturan *United Nations* (UN) di bawah *World Forum for Harmonization of Vehicle Regulation* (WP29) yang menetapkan hanya kenderaan dikategorikan sebagai kenderaan perdagangan yang membawa barangan berbahaya sahaja diwajibkan untuk dilengkapi dengan alat pemadam api. Manakala, kenderaan yang dikategorikan sebagai

kenderaan persendirian adalah tidak diwajibkan untuk dilengkapi dengan mana-mana alat pemadam api.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengambil kira *benchmark* tersebut, buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk mewajibkan kenderaan persendirian perlu dilengkapi dengan alat pemadam api. Pelaksanaannya perlu diperhalusi secara mendalam memandangkan akan melibatkan implikasi kewangan terhadap orang ramai terutamanya dari aspek penyelenggaraan dan pemeriksaan alat tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan amat menggalakkan inisiatif sama ada daripada pengeluar kenderaan untuk melengkapi kenderaan yang akan dikomersialkan dengan alat pemadam api selain orang ramai yang ingin meningkatkan tahap keselamatan kenderaan dengan melengkapi alat pemadam api terhadap kenderaan mereka.

Kerajaan juga ingin menegaskan di sini bahawa sebarang pengubahsuaian yang melibatkan komponen/sistem utama kenderaan, perlu mendapatkan kebenaran dan khidmat nasihat daripada pihak yang berautoriti.